

UMS juara Bola Sepak Institusi Teknikal Sabah 2013

UB 23.5.2013 A15

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara Kejohanan Bola Sepak Institusi Teknikal Sabah 2013 setelah menumpaskan Politeknik Kota Kinabalu (PKK) 1-0 di padang PKK baru-baru ini.

UMS selaku pasukan jemputan memulakan persaingan dengan langkah kananapabilamenundukkan Politeknik Sandakan (PSS) dengan jaringan 3-0.

Kemenangan itu diteruskan lagi ketika menentang pasukan Institut Kemahiran Mara (IKM) 1-0 sebelum membelasah pasukan Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) 4-0.

Perlawanan antara UMS dan PKK dipenuhi dengan aksi mendebaran apabila kedua-dua pasukan saling berbalas serangan.

Namun pada separuh masa kedua, UMS mengubah corak permainan dan berjaya mengawal keseluruhan permainan dengan mengasak kubu pertahanan dan melakukan beberapa percubaan merbahaya ke gawang lawan.

Gol kemenangan hadir pada penghujung separuh masa kedua apabila pemain gantian, Andi Habbibi Ambo menolak masuk bola yang dihantar hasil sepakan sudut yang diambil oleh Memet Kaya sekaligus menewaskan penjaga gol



UMS juara Piala Kejohanan Bola Sepak Institusi Teknikal Sabah 2013.

PKK untuk mengangkat UMS juara kejohanan itu.

PKK yang tewas terpaksa berpuas hati sebagai naib juara manakala tempat ketiga jatuh ke tangan pasukan PSS.

Pasukan IKBN dan IKM pula masing-masing berada di tempat keempat dan kelima.

Dalam pada itu, Ketua

Jurulatih pasukan UMS David Johnny berpuas hati dengan mutu persembahan yang dipamerkan oleh anak didiknya sepanjang kejohanan tersebut.

Beliau berkata, kejohanan itu merupakan persiapan pasukan UMS dalam menghadapi Kejohanan Liga Bola Sepak Institusi Pengajian Tinggi Borneo

yang akan berakhir pada pertengahan bulan Jun ini.

Pada kejohanan itu, pasukan UMS membuktikan keunggulannya apabila menjuarai kejohanan tersebut dengan mencatat kemenangan dalam semua perlawanan tanpa sebarang bolos.



PARA pemenang pertandingan merakamkan gambar kenangan.